

PERANAN DAN FUNGSI

Penubuhan BPA telah diumumkan secara rasmi pada 23.7.1971 bertujuan untuk menjadi badan pengawas bagi menjamin pentadbiran yang cekap dan adil. BPA pada masa itu hanya berperanan untuk memberi maklumbalas kepada Kerajaan. Pada asalnya fungsi BPA adalah

1. merupakan penghubung di antara Kerajaan dengan orang ramai dan
2. Mewujudkan satu saluran yang membolehkan orang ramai mengemukakan kesulitan-kesulitan mereka semasa berurusan untuk mendapatkan perkhidmatan-perkhidmatan daripada agensi Kerajaan atau pengaduan terhadap sesuatu tindakan pentadbiran Kerajaan yang dirasakan tidak adil